



MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

PENGISIAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat DYMM Sultan Perak dan Warganegara Malaysia yang berkelayakan sahaja untuk memenuhi jawatan berikut:-

1. (a) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29/W32**
(Kekosongan Jawatan : 1)
- (b) Kementerian / Jabatan / Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Majlis Daerah Tanjong Malim
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
- (e) Jadual Gaji : Minimum RM 1,498.00– Maksimum RM 5,678.00
- (f) Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan ;
 - (c) (i) Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya.
(Gaji permulaan : RM 1,510.92); atau
 - (ii) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan : RM 1,510.92); atau
 - (iii) Diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan : RM 1,851.28); atau
- (g) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- (h) Penetapan Gaji Permulaan : 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred W29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- (i) Tempoh Percubaan : 4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- (j) Latihan : 5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- (k) Program Transformasi Minda/Peperiksaan : 6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan yang berkenaan.
- (l) Pengesahan Dalam Perkhidmatan : 7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- (m) Taraf Jawatan : **Tetap / Kontrak**

(n) Cara memohon:-

- i. Permohonan jawatan yang ditawarkan hendaklah dipohon secara atas talian (*online*) melalui sistem permohonan jawatan kosong di <https://digital.perak.my/penjawatan/>
- ii. Permohonan yang telah lengkap perlu dicetak dan disahkan beserta dengan salinan sijil dan transkrip atau keputusan peperiksaan yang telah diperolehi, kad pengenalan, sijil kelahiran yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport.
- iii. Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21. Permohonan yang tidak menurut peraturan dalam borang akan ditolak.
- iv. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:-

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tanjong Malim
Peti Surat 59,
35900 TANJONG MALIM

Tarikh tutup permohonan : **10 Mac 2021 (Rabu)**

Catatan Am:

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.